

- 1. Adakah pihak kolej akan menyediakan penginapan di asrama sepanjang tempoh pengajian?**  
*Keutamaan penginapan adalah untuk pelajar Tahun 1 (Semester 1- Semester 3) sahaja. Pelajar Semester 4 ke atas boleh memohon untuk terus tinggal di asrama sekiranya terdapat kekosongan.*
- 2. Berapakah yuran penginapan asrama KPTM Bangi?**  
*RM180.00 sebulan. Bayaran yuran boleh dibayar keseluruhannya semasa di awal semester atau dibayar secara bulanan.*
- 3. Adakah pihak kolej menyediakan pengangkutan dari asrama ke kolej?**  
*Koperasi KPTM Bangi (KOMABA) menyediakan perkhidmatan bas dengan bayaran RM1.00 satu perjalanan sehala.*
- 4. Bolehkah saya membawa kenderaan ke asrama?**  
*Pelajar tidak digalakkan membawa kenderaan. Sekiranya pelajar memilih untuk membawa kenderaan, keselamatan kenderaan adalah di bawah tanggungjawab pelajar sendiri. Kenderaan perlu berdaftar dan pematuhan undang-undang jalanraya wajib dipatuhi.*
- 5. Apakah kelengkapan yang disediakan di asrama?**  
*Pihak kolej menyediakan katil, tilam, almari, meja tulis dan kerusi kepada pelajar. Selain itu terdapat juga kemudahan wifi dan gelanggang serbaguna.*
- 6. Berapakah bilangan pelajar sebilik?**  
*Satu bilik boleh memuatkan 3 orang pelajar. Dua bilik yang bersambung akan berkongsi bilik air yang sama.*
- 7. Adakah yuran asrama merangkumi duit makan dan minum pelajar?**  
*Tidak.*
- 8. Adakah kemudahan kafeteria disediakan di asrama?**  
*Ya.*

**9. Adakah pelajar dibenarkan pulang pada hujung minggu? Apakah prosedurnya?**

*Pelajar dibenarkan pulang pada hujung minggu sekiranya tiada apa-apa aktiviti yang dianjurkan oleh pihak kolej. Pelajar perlu mematuhi tatacara keluar / masuk asrama dengan menggunakan sistem Necart yang telah dipasang di pos pengawal.*

**10. Bolehkah pelajar membawa peralatan elektrik di asrama?**

*Boleh. Pelajar perlu membuat pendaftaran bagi barang-barang elektrik yang dibenarkan. Terdapat beberapa peralatan elektrik yang dikenakan yuran pendaftaran. Kadar yuran terdapat di dalam Buku Peraturan Pelajar KPTM.*

**11. Adakah pelajar dibenarkan keluar dari kawasan asrama/kolej (outing) dan sehingga jam berapa perlu masuk semula?**

*Ya. Pelajar boleh keluar /'outing' sehingga jam 11.00 malam setiap hari. Pelajar perlu mematuhi tatacara keluar / masuk asrama dengan menggunakan sistem Necart yang dipasang di pos pengawal.*

**12. Bagaimana kawalan keselamatan di asrama?**

*Terdapat pengawal keselamatan yang bertugas 24 jam di asrama. Selain itu penyelia asrama dan felo warden juga tinggal bersama-sama pelajar di dalam asrama.*

**Pegawai yang bertanggungjawab:**

Encik Che Mazlan bin Md Amin

Penolong Pengarah Kanan

Sektor Pengurusan Dan Kediaman Pelajar

Bahagian Hal Ehwal Pelajar KPTM Bangi

No. Telefon: 03-89255676

Email: [che\\_mazlan@gapps.kptm.edu.my](mailto:che_mazlan@gapps.kptm.edu.my)